

**A HISTORY OF AN IDENTITY, AN IDENTITY OF A HISTORY: THE IDEA AND PRACTICE OF ‘MALAYNESS’ IN MALAYSIA RECONSIDERED** oleh Shamsul Amri Baharuddin. *Journal of Southeast Asian Studies*, 2001, 32 (3): 355-366.

Secara ontologi historiografi Malaysia membina jenamanya melalui wacana berkaitan politik dan pemerintahan negara. Dari satu sudut, terdapat percubaan memperbesarkan korpus sejarah sosial Malaysia, namun seperti diamati Haryati dan Hamidin (2007), hasil kesedaran itu belum begitu menyerlah. Bukan hanya di Malaysia, bahkan secara global, fokus ontologi politik-pemerintahan cukup dominan. Ungkapan A. Freeman (1823-1892), "*history is past politics and politics are present history*" menjadi masyhur, dan secara umum dipraktikkan oleh para sejarawan (Hesketh, 2014). Secara epistemologi, majoriti sejarawan Malaysia berdiri di atas paradigma positivisme. Mereka yakin kebenaran berupaya diungkap melalui pengalaman serta pancaindera. Oleh kerana masa lampau tidak dapat dilawat kembali, maka jejaknya menjadi tumpuan sarjana sejarah untuk merekonstruksi fenomena lalu ke dalam bentuk teks. Keyakinan epistemologikal ini kukuh dalam minda para sejarawan, berbekal saranan sarjana sejarah politik Jerman abad-19, L. von Ranke—sejarah harus ditulis sebagaimana ianya berlaku (Iggers, 2011). Bagi merealisasikan saranan ini, sejarawan cenderung menolak rasionalisme, dengan memisahkan diri serta pemikiran daripada jejak-jejak masa lalu yang diteliti. Melalui penolakan dan pemisahan jejak masa lalu-konsepsi akal, mereka optimis hakikat lampau akan dapat diungkap secara objektif. Kerana itu, dari sudut metodologi, Cheah (2007) berpandangan aliran rekonstruktif sangat berpengaruh di Malaysia. Sejarawan di negara ini seboleh mungkin mahu menggunakan sumber primer dalam kerja-kerja penyelidikan mereka. Dokumen, laporan serta catatan sezaman dianggap bahan yang menunjang kebenaran sejarah dan dengan melakukan penelitian mendalam terhadapnya, keabsahan ilmu pengetahuan seakan tidak lagi dipolemikkan. Dari sudut operasional, data yang termuat dalam sumber primer ini akan disaring, diolah dan kemudian dipersembahkan secara deskriptif untuk menggambarkan dengan terperinci ‘realiti’ masa lalu. Agak jarang ditemui di Malaysia, karya-karya sejarah bersifat analitikal kerana pendekatan itu bukan sahaja dianggap menyimpang dari metodologi konvensional, malah dilihat menjauhi kebenaran ekoran kedapatan unsur rasionalis melalui teks yang ingin dikemukakan.

Soalnya, apakah asas-asas pembinaan ilmu yang dipegang majoriti sejarawan Malaysia ini sudah memadai? Dalam dunia ilmiah yang semakin kencang bergerak ke arah perapatan jurang antar-disiplin, berupayakah historiografi Malaysia menjawab persoalan-persoalan meluas, yang tidak semata berlingkar sekitar keprihatinan akademik para sejarawan sahaja? Suasana akademik yang baharu ini bukan sahaja menuntut wujudnya kerjasama erat para sarjana pelbagai bidang dalam projek penyelidikan, malah begitu mendesak kepada pemikiran semula tentang asas pembinaan ilmu. Dalam hal ini, Suriasumantri (1990) berhujah, dokongan ke atas positivisme semata-mata tidak akan banyak mendorong pembinaan ekosistem ilmu multidisiplin, kerana cara fikir ilmiah secara asasnya perlu kepada pengintegrasian dua paradigma makro epistemologi—positivisme dan rasionalisme. Hujahnya, positivisme tanpa rasionalisme hanya sekadar aktiviti mengumpul data, manakala, rasionalisme tanpa positivisme pula sekadar kegiatan membina hipotesis. Ahli sains sosial secara umum bersetuju dengan konsepsi ini. Lantaran itu, wacana dokongan mereka sentiasa menghubungkan-jalinkan teori-konsep (rasionalisme) dengan data empirik (positivisme). Konsensus tentang persoalan epistemologi dan metodologi ini memudahkan para sarjana sains sosial membina wacana multidisiplin, meskipun fokus ontologikal hakiki mereka saling berbeza.

Formula keberhasilan ini terletak pada konsensus epistemologi-metodologi tadi—rasionalisme dan positivisme saling diperlukan bagi menanggapi dan memahami fenomena sosial yang bukan sahaja rencam, malah dinamik perkembangannya. Dari sudut inilah pegangan kuat sejarawan pada positivisme semata-mata mengundang kejanggalan sebahagian ahli sains sosial Malaysia. Abd. Halim Ali (1990: 159) sebagai contoh, berpandangan fakta serta data yang dianalisis tanpa aparat teori akan sekadar menemukan fenomena, bukannya hakikat—kerana kebenaran adalah perkara kompleks yang tidak mungkin terungkap dengan cerapan luar semata-mata. KEPADANYA lagi, pegangan pada asas pembinaan ilmu sebegini hanya akan melahirkan ‘factologist’ ataupun paling baik, seorang ‘jurukamera.’ Shamsul (2014) dalam sebuah syarahan turut menyinggung perkara serupa. Baginya, tanpa teori dan konsep, seseorang penyelidik tidak mampu mengupas sesuatu fenomena, lantas wacana yang terhasil adalah laporan atau retorik tebal semata-mata.

Secara lebih terperinci, persoalan memadaikah asas pembinaan ilmu Sejarah Malaysia di atas, akan dijawab melalui kupasan makalah Shamsul (2001) yang berjudul, *‘A history of an identity an identity of a history: the idea and practice of Malayness in Malaysia reconsidered.’* Secara umum, makalah yang terbit di *Journal of Southeast Asian Studies* ini membincangkan proses pembinaan formal identiti Kemelayuan serta pengaruhnya ke atas kehidupan masyarakat pasca- kolonial di Malaysia, terutama dari sudut ‘takrifan-otoriti.’ Shamsul menghujahkan, hubungan negara penjajah-dijajah dalam era kolonial antara Britain dan Tanah Melayu tidak hanya melibat ruang fizikal, tetapi juga epistemologi. Kuasa kolonial bukan sekadar meluaskan tanah jajahan dengan perang, kelicikan politik-diplomasi ataupun tekanan ekonomi, sebaliknya mereka juga bertindak menceroboh serta menakluk pemikiran pribumi. Proses penaklukan pemikiran telah berjalan secara sistematik, sebelum, semasa, bahkan, selepas berakhirnya kolonialisasi. Dalam meneguhkan tesisnya, Shamsul mengemukakan ‘grounded-theory’ Bernard Cohn (1928-2003) hasil kajian sarjana tersebut di India sekitar tahun 1950-an. Menurut Cohn, taklukan pemikiran kolonial ke atas pribumi beroperasi melalui proses pembinaan ilmu dan penyebarannya secara meluas. Untuk memperteguh kolonialisme, pelbagai aspek kehidupan pribumi telah diselidik, dikumpul dan didokumenkan. Korpus pengetahuan tentang pribumi ini, sama ada bersifat sains atau selainnya, kemudian digunakan sebagai data bagi memformulasi segala macam dasar dan undang-undang bagi tujuan pentadbiran. Himpunan pengetahuan yang sama kemudian menjadi batu asas pembinaan disiplin ilmu berkaitan tanah jajahan dan sehingga kini, saki bakinya masih boleh dikesan.

Observasi Cohn ke atas ‘Ilmu Kolonial’ dan sebaran di India, dilihat nyata oleh Shamsul bagi kes Malaysia terutama dalam konteks pembinaan identiti Kemelayuan negara ini. Hasil modaliti serupa, pihak Inggeris misalnya memperkenalkan Enakmen Rizab Melayu 1913 untuk mengurus guna tanah di dalam era industrialisasi komersil tajaan mereka. Melalui enakmen ini, buat julung kalinya ‘Melayu’ ditakrif secara formal, malah, dilembagakan pula dengan undang-undang. Takrifan otoriti Inggeris yang dibuat melalui kerangka ‘takrif dan perintah’ ini tentu sahaja tidak mendasar kerana batas identiti Melayu dalam enakmen tersebut di pelbagai negeri, adalah luwes dan saling berbeza. Di Kedah misalnya, darah keturunan Arab dianggap sebagai Melayu, berbanding Johor yang menolak konsepsi demikian. Begitu juga dengan kes Kelantan yang mengiktiraf darah keturunan Siam sebagai Melayu walaupun sesuatu yang janggal dan tidak absah misalnya dalam konteks Negeri Sembilan. Modaliti Inggeris tentang Kemelayuan dan identiti-identiti etnik lainnya tidak sahaja dikembangkan dengan kaedah perundangan, malah, tersalur melalui medium pendidikan. Selain sekolah vernakular yang diperkenalkan Inggeris telah turut

mempertegasakan identiti etnik secara tidak langsung, orientasi kurikulum ketika itu berperanan penting sebagai instrumen sosialisasi dalam melentur keakuratan masyarakat terhadap konstruk kolonial tentang 'realiti sosial' Tanah Melayu. Paling ketara, adalah pengenalan idea berkenaan negara-bangsa yang asas-asasnya dikaitkan dengan sejarah, wilayah dan masyarakat setempat. Melalui sosialisasi pendidikan, konstruk kolonial tentang hal-hal berkaitan telah diterima dan dianggap pengetahuan yang sah. Bukan sahaja dalam era kolonial, bahkan di zaman pengisian kemerdekaan inipun, asas-asas pentakrifan negara-bangsa Malaysia binaan kolonial masih lagi diterima tanpa soal, sama ada oleh pemerintah mahupun masyarakat negara ini sendiri. Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan betapa 'berkuasanya' Ilmu Kolonial sebagai instrumen penjajahan ruang epistemologi pribumi yang telah direncanakan Inggeris semenjak sekian lama. Dalam perbincangannya yang lebih khusus tentang pembinaan identiti Kemelayuan era kolonial, Shamsul menyetujui hujah Anthony Reid bahawa pada peringkat awal, Melayu hanya sebuah label sosial. Ia digunakan oleh pedagang dari Asia Selatan dan China bagi merujuk pada penduduk Kepulauan Melayu. Label ini kemudiannya berterusan digunakan oleh pedagang dari Portugal, Sepanyol, Belanda dan Inggeris. Penduduk Kepulauan Melayu pula pada abad ke-16 dan 17 melihat Melayu sebagai individu yang mempunyai susur galur keturunan dari Srivijaya dan Melaka, selain penghijrah yang menuturkan bahasa, mengamalkan adat resam Melayu dan berdagang di Melaka. Dalam konteks masyarakat ketika itu, identiti Melayu berpaksi pada tiga unsur utama, iaitu, kerajaan, Islam dan bahasa Melayu. Kerajaan merupakan unsur yang dilihat objektif kerana ia terpusat pada seorang individu. Islam pula dilihat objektif sekaligus subjektif. Objektivitiya terletak pada agama raja, dan mula bertukar subjektif apabila siapa sahaja yang menganut ajaran Islam akan dianggap sebagai orang Melayu. Bahasa Melayu pula sepenuhnya dianggap penanda identiti yang bersifat subjektif ekoran penuturnya dalam komunikasi harian akan terus dikonsepsikan sebagai Melayu.

Konsepsi longgar ke atas identiti Kemelayuan abad ke-16 hingga 17 ini mulai menegas apabila kolonial Inggeris berkuasa. Mereka berpendapat manusia harus diklasifikasikan secara saintifik untuk memudahkan pengurusan dan pentadbiran. Berbekalkan modaliti yang diperinci tadi, Inggeris mula menjalankan konstruksi Kemelayuan ke arah identiti eksklusif. Binaan oleh Inggeris ini secara perlahan-lahan mengubah konsepsi awal ke atas Melayu malah diterima dan diperluaskan oleh pribumi sendiri. Secara kronologikal, Shamsul memperincikan proses yang telahpun mendorong pembakuan identiti Kemelayuan era kolonial: (1) Stamford Raffles telah menamakan karya klasik 'Sulalatus Salatin' (Peraturan Segala Raja-raja) sebagai 'The Malay Annals' atau 'Sejarah Melayu.' (2) William Marsden yang mengarang 'Sejarah Sumatera' pula menyebut Semenanjung adalah tempat asal orang Melayu, yang akhirnya dirujuk sebagai Tanah Melayu. (3) Selepas Negeri-Negeri Selat tertubuh, diwujudkan pula konsep 'Bangsa Melayu' bagi tujuan identifikasi kerana peningkatan populasi orang-orang Inggeris dan Cina. (4) Penulis tempatan yang bergaul rapat dengan tenaga kolonial, Abdullah Munshi pula mengguna serta menyebarkan konsep 'Bangsa Melayu' dengan meluas dalam tulisannya. (5) Pada tahun 1891, dalam bancian yang dilakukan, pihak kolonial secara rasmi telah menggunapakai pengkelasan ras untuk penduduk seperti 'Melayu', 'Cina' serta 'India.' (6) Sekolah-sekolah juga ditubuhkan mengikut aliran vernakular dan salah satunya, Sekolah Melayu yang aktiviti pembelajarannya bertumpukan hal ehwal Melayu sepenuhnya. (7) Penggubalan Enakmen Rizab Melayu 1913 pula telah mentakrif Melayu secara perundangan, dengan diperkenalkan pelbagai ciri khusus untuk merujuk kepada orang Melayu. (8) Oleh kerana anak watan telah sehati dan menerima identiti

Melayu sebagai mewakili mereka, gerakan nasionalisme yang wujud ketika itu pula bercorak 'nasionalisme Melayu.' (9) Pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pula telah mewujudkan satu bahagian khusus bagi menjamin apa yang dipanggil 'Hak-hak Istimewa Orang Melayu' (10) 'Utusan Melayu' juga memakai istilah 'Melayu'. Ia melambangkan pengabsahan konsep Melayu yang dibangunkan kuasa kolonial oleh anak watan. Perkembangan ini telah memberi secara langsung atau tidak, suatu pemahaman baharu tentang Melayu, yang lebih tegas serta ketat berbanding label seumpamanya di peringkat awal. Namun, walaupun identiti Melayu telah menjadi begitu tegas dalam era kolonial, tidak bererti ianya bersifat statik pula selepas zaman berkenaan. Selepas berakhirnya kolonialisasi ataupun lebih tepat, selepas terbentuknya Malaysia 1963, identiti Melayu terus sahaja diberi dimensi baharu. Oleh kerana pribumi beragama Islam menjadi minoriti di Sabah dan Sarawak, kerajaan persekutuan yang diterajui pemimpin Melayu termotivasi mencari jalan, supaya kelompok ini turut beroleh tempat dalam politik Malaysia Timur. Jalan keluar yang dipegang adalah dengan membentuk identiti baharu bernama 'Bumiputera' untuk menggabungkan pribumi Islam-bukan Islam Sabah dan Sarawak dengan Melayu Semenanjung. Melalui binaan label tersebut, identiti Melayu sekali lagi dimodifikasi, khususnya selepas Bumiputera menjadi jenama penting pasca Dasar Ekonomi Baru 1971. Bagi kes Sabah, perubahan identiti Melayu lebih terserlah, apabila dalam tahun 1980-an, UMNO membuka keahliannya kepada Bumiputera bukan Islam semata-mata untuk menangkis pengaruh PBS yang diterajui Kadazan-Kristian. Mengambil kira jaluran pembinaan identiti Kemelayuan era kolonial dan modifikasi dalam zaman pasca-kolonial inilah yang membuatkan Shamsul mengambil pendirian bahawa 'identiti' bukan entiti bersifat semulajadi. Ia dikonstruksi, dilembaga dan disosialisasi untuk memperoleh keakuratan menyeluruh masyarakat. Dalam konteks Malaysia, asas-asas pembinaan identiti Melayu begitu meragukan, kerana tapaknya telah dibina atas hamparan Ilmu Kolonial yang amat problematik. Upaya mentakrif dan meletakkan batasan-batasan sosial ke atas Melayu dan Kemelayuan hanya dibuat menggunakan pendekatan takrifan-otoriti, tanpa mengambil kira takrifan-harian masyarakat tempatan itu sendiri. Hasilnya, masyarakat pribumi tadi secara langsung ataupun tidak telah melihat dan memahami diri mereka dari 'lensa kabur' kolonialisme. Pemahaman ini berleluasa hingga kini, hatta selepas Bumiputera diperkenalkan sebagai 'identiti inklusif' untuk masyarakat pribumi seluruh Malaysia.

Bertolak daripada rumusan di ataslah, Shamsul mempersoalkan keprihatinan akademik sarjana tempatan terhadap persoalan pembinaan identiti Melayu di Malaysia. Perbagai literatur ilmiah, terutama dari bidang yang akrab dengan persoalan ini iaitu Pengajian Melayu dan Sejarah yang seakan tidak mempermasalahkan Ilmu Kolonial sebagai tunjang pelbagai jujuk pengetahuan tentang Melayu, bahkan, berkenaan Malaysia itu sendiri. Identiti Melayu seolah-olah diterima sebagai perkara yang berkembang secara semulajadi. Ia tidak dipermasalahkan, hatta oleh para sejarawan yang berkobar-kobar mencari kebenaran melalui kegiatan akademik. Shamsul berpandangan, usaha kelompok tersebut dalam tahun 1960-an yang mengajukan pembaharuan tumpuan sejarah Malaysia, dari sentrik-Eropah pada sentrik-tempatan adalah reaksioner bersifat nasionalistik. Persoalan mendasar dalam proses pembinaan ilmu iaitu aspek epistemologi tidak disentuh dan juga dibahaskan oleh sejarawan. Natijahnya, bukan sahaja Ilmu Kolonial membina kefahaman pribumi tentang identiti sendiri, bahkan ia secara tidak langsung menjelma sebagai paradigma asasi dalam binaan naratif sejarah berkaitan Malaysia. Ketiadaan komitmen di pihak sejarawan untuk mempermasalahkan ke akar umbi epistemologi pembinaan ilmu tentang Malaysia, tentu sahaja tidak menghairankan. Segalanya harus dikembalikan pada aspek ontologi,

epistemologi dan metodologi historiografi Malaysia yang diperkatakan di awal tulisan ini tadi. Tumpuan ontologikal yang berlebihan pada aspek politik dan pemerintahan seakan mengalih fokus sejarawan dari mempertimbangkan sudut-sudut lain sejarah Malaysia, terutamanya tentang perkembangan pemikiran, falsafah ilmu pengetahuan dan naratif sosial itu sendiri. Pendekatan epistemologi bersifat positivisme pula menyekat daya imaginasi sejarawan untuk berfikir dan merenung pelbagai persoalan besar yang melewati kapasiti pancaindera dan pengalaman semata-mata. Dari segi metodologi, minat ketara para sejarawan terhadap pelbagai sumber dokumen termasuk fail-fail Colonial Office Inggeris jelas sekali menyumbang pada ketiadaan kritik yang diharapkan Shamsul. Penolakan mereka pada susun atur wacana bersifat analitikal, tambah merumitkan keadaan. Senjata analisis yang dimanfaatkan Shamsul di dalam makalahnya itu bukan suatu nilai tambah pada hemat kebanyakan sarjana Sejarah di negara ini. Tentu sekali pegangan ketat ‘turun-temurun’ ini harus ‘dilonggarkan,’ demi mencapai kemajuan ilmu yang menuntut adaptasi dan penyesuaian berterusan. Jika tidak, komuniti sejarawan harus terus bersedia untuk dihadapkan persoalan besar, ‘apakah memadai asas pembinaan ilmu Sejarah Malaysia?’ oleh para ilmuan kritis buat selama-lamanya.

Tentu sahaja seruan di atas tidak bertujuan untuk mengajak para sejarawan ‘menukar’ jubahnya menjadi ahli sains sosial baharu di Malaysia. Keperluan ke atas kelompok sarjana yang bekerja meneliti fenomena lampau secara mengkhusus masih lagi diperakukan, terutama dalam negara-negara pasca-kolonial. Cumanya para sejarawan haruslah sedar bahawa di era komuniti sarjana kerap kali bercakap soal perapatan jurang antara-disiplin, penyesuaian serta penyelarasan tidak dapat tidak, perlu diusahakan. Perubahan diperlukan bukan semata-mata untuk tujuan jaringan penyelidikan, tetapi lebih utama, bagi menghadapi cabaran keilmuan yang semakin kompleks. Di era multidisiplin ini, pihak berkepentingan ke atas ilmu tidak lagi menanggapi sejarah sekadar untuk mengetahui bila, di mana dan siapa? Hal yang lebih kerap dipersoalkan adalah apa serta bagaimana? Persoalan-persoalan begini tidak boleh ditangani dengan tuntas melalui pendekatan positivisme sejarawan. Ia memerlukan aplikasi rasionalisme yang disalur melalui teori, konsep atau model penelitian tertentu. Kesanggupan serta kecekapan sejarawan memposisikan fenomena silam ke ruang analitikal akan banyak membantu menjawab persoalan-persoalan ini, dalam masa sama, mendokong proses pengintegrasian ilmu di Malaysia. Terbatasnya analisis Sejarah sedia ada harus diheret ke penghujung. Malaysia memerlukan historiografi baharu, yang memperlihatkan komitmen perubahan dari sudut ontologi, epistemologi dan metodologi sedia ada. Sungguhpun ini kerja besar, namun ia tidak mustahil untuk diusahakan.

## RUJUKAN

- A. Halim Ali. 1990. Mempermasalahkan teori dalam latihan ilmiah. Dlm. Syed Arabi Idid dan Rahmah Hashim (ed.). *Seminar Meninjau Kembali Pencapaian FSKK anjuran Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan*, hlm. 156-161. Bangi: FSKK-UKM.
- Cheah Boon Kheng. 2007. New theories and challenges in Malaysian history. Dlm. Cheah Boon Kheng (ed.). *New Perspectives and Research on Malaysian History*, hlm. 119-145. K. Lumpur: MBRAS.

- Haryati Hassan & Hamidin Abdul Hamid. 2007. Writing marginalized groups into Malaysian social history. Dlm. Cheah Boon Kheng (ed.). *New Perspectives and Research on Malaysian History*, hlm. 147-158. K. Lumpur: MBRAS.
- Hesketh, Ian. 2014. 'History is past politics, and politics present history': who said it?. *Notes and Queries*, 61 (1): 105-108.
- Iggers, G.G. 2011. *The Theory and Practice of History*. New York: Routledge.
- Shamsul A. B. 2001. A history of an identity, an identity of a history: the idea and practice of 'Malayness' in Malaysia reconsidered. *Journal of Southeast Asian Studies*, 32 (3): 355-366.
- Shamsul, A. B. 2014. *Universiti Kebangsaan Malaysia Pendaulat Amanah Negara: Suatu Tafsiran*. Bangi: Penerbit UKM.
- Suriasumantri, Jujun S. 1990. *Ilmu dalam Perspektif Moral, Sosial & Politik*. K. Lumpur: DBP.

**Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir**

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor